

12/05/1997

Kit Siang tidak cabar PM

KUALA LUMPUR, Ahad - Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang, berkata beliau tidak mempersoalkan atau mencabar Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Kabinet atau Kerajaan Barisan Nasional (BN) atas keputusan untuk mendakwa anaknya, Ahli Parlimen Kota Melaka, Lim Guan Eng.

Menurutnya, beliau tidak berbuat demikian kerana mengikut Artikel 145 (3) Perlembagaan Persekutuan, keputusan untuk 'memulakan, menjalankan atau tidak meneruskan sebarang prosiding bagi sesuatu kesalahan' ialah budi bicara Peguam Negara, yang tidak boleh dipengaruhi sesiapa pun.

"Saya, pada bila-bila masa, sama ada di luar atau di dalam Parlimen, tidak mempersoalkan atau mencabar keputusan Mahkamah Tinggi Melaka yang mendapati Guan Eng bersalah terhadap tuduhan menghasut dan menerbitkan risalah mengandungi fakta palsu," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Kit Siang mengakui, jika keputusan mahkamah mahu dicabar, ia perlu dibuat menerusi proses perundangan yang betul seperti dilakukan oleh anak lelakinya itu dengan memfailkan rayuannya di Mahkamah Rayuan, Jumaat lalu.

Ahli Parlimen Tanjong itu mengulas kenyataan Perdana Menteri semalam berhubung kenyataan beliau (Kit Siang) bahawa wujud ketidakadilan dalam keputusan mahkamah, yang diberi liputan meluas oleh media dan bagi kes Guan Eng pula, kerajaan digambarkan tidak demokratik. - Bernama

(END)